BUKU KERJA BAHASA MELAYU

Budiman

Berdasarkan Buku Teks KSSR SEMAKAN

# BAHASA MELAYU

SJKC

# 国文 5A

## 100% Berdasarkan Buku Teks Baharu

KSSR (SEMAKAN 2017)

- Menepati kehendak **KSSR Semakan** dan **DSKP**
- Menerapkan **Soalan KBAT**
- **Kamus Mini** Maksud dalam Bahasa Cina
- **Penilaian Tema** (Tema 1-4) Berpandukan Format Penilaian
- **Penilaian Pertengahan Tahun** merangkumi semua topik buku teks
- **Jawapan lengkap** disediakan

SUMBER DIGITAL

LIVEWORKSHEETS
CamScanner

# Penilaian Tema 3

## Sistem Bahasa: Bahagian A

Kertas Pemahaman (Bahagian A)

**Soalan 1 hingga 8**
*Isi tempat kosong dengan jawapan yang* ***paling sesuai.***

1 Alat penggera yang dipasang di rumah Encik Tan canggih ________.

A agak  B betul
C paling  D terlalu

2 Kanak-kanak tidak dibenarkan mandi di kolam renang itu kerana airnya ________ dalam.

A nian  B sekali
C betul  D sangat

3 "Kita mesti berhati-hati jika ________ selamat," kata Faiz kepada Siew Min.

A mahu  B boleh
C patut  D harus

4 Harjit ternampak kemalangan itu ketika dia ________ berbasikal di taman.

A akan  B belum
C pernah  D sedang

5 Penduduk kampung bimbang kerana penjenayah itu ________ bebas.

A mesti  B masih
C perlu  D hendak

**Soalan 6** *berdasarkan gambar di bawah.*



6 Sikap lalai ________ jalan raya menjadi punca utama berlakunya kemalangan.

A pejalan
B pemandu
C pengguna
D penumpang

7 Mangsa banjir segera ________ dari kawasan itu bagi menyelamatkan diri mereka.

A bertukar
B bergerak
C bertolak
D berpindah

8 Para ________ sedang menemu ramah Inspektor Hamid di pejabat beliau.

A karyawan
B hartawan
C wartawan
D dermawan



LIVEWORKSHEETS

Hari: __________ Tarikh: __________

## Soalan 9 – 10

***Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan* betul.**

9 I Keadaan di dalam klinik itu sesak dengan para pesakit.
II Baju yang dipakai oleh anggota bomba itu agak sesak.
III Encik Law dibawa ke hospital kerana mengalami sesak nafas.
IV Yusri berasa sesak kerana tidak mendengar nasihat ibunya.

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

10 I Peserta perkhemahan itu berhemat di kawasan yang selamat.
II Kita perlu berhemat di jalan raya bagi mengelakkan kemalangan.
III Sikap berhemat semasa berbelanja dapat mengelakkan pembaziran.
IV Ayah Isham telah berhemat dalam pasukan polis selama 15 tahun.

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

## Pemahaman: Bahagian A

**Kertas Pemahaman (Bahagian A)**

***Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.***

Transit Laju Massa (MRT) merupakan salah satu jenis pengangkutan darat yang ada di negara kita. Jenis pengangkutan ini semakin popular dalam kalangan warga kota. Setiap hari, banyak orang menggunakan MRT kerana pengangkutan ini menjimatkan masa dan belanja.

Terdapat peraturan keselamatan yang ditetapkan kepada para penumpang MRT. Setiap penumpang perlu mematuhi peraturan ini semasa berada di stesen MRT dan di dalam gerabak. Peraturan ini perlulah dipatuhi bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini.

Salah satu peraturan keselamatan di stesen MRT ialah orang ramai dilarang mengejar tren yang sedang bergerak. Mereka juga perlu berdiri di belakang garisan kuning ketika menunggu ketibaan tren. Mereka perlu menunggu tren berhenti sepenuhnya sebelum masuk ke dalam gerabak.

Semasa berada di dalam tren pula, para penumpang dilarang berdiri di pintu tren. Mereka juga dilarang membuka pintu ketika tren sedang bergerak. Mereka perlulah duduk di tempat duduk yang disediakan. Ketika mahu keluar atau masuk, penumpang perlu **menjaga adab** dengan tidak berebut-rebut atau tolak-menolak.



LIVEWORKSHEETS

Hari: ............ Tarikh: ............

1 Transit Laju Massa (MRT) ialah sejenis
  A kenderaan air.
  B kenderaan laut.
  C kenderaan darat.
  D kenderaan udara.

2 Mengapakah para penumpang MRT perlu mematuhi peraturan keselamatan yang ditetapkan?
  A supaya MRT dapat bergerak.
  B supaya tidak berlakunya kemalangan.
  C supaya perkhidmatan MRT mendapat sambutan.
  D supaya perbelanjaan mereka dapat dijimatkan.

3 Di manakah penumpang perlu berdiri semasa menunggu tren di stesen MRT?
  A di atas garisan kuning.
  B di hadapan garisan kuning.
  C di tepi garisan kuning.
  D di belakang garisan kuning.

4 Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan.
  A Kita perlu segera masuk ke dalam gerabak ketika tren sedang bergerak perlahan.
  B Penumpang MRT perlu mematuhi peraturan keselamatan yang ditetapkan.
  C MRT dapat memendekkan tempoh perjalanan kita ke sesuatu tempat.
  D MRT banyak digunakan oleh penduduk bandar.

5 Rangkai kata **menjaga adab** dalam petikan bermaksud
  A menahan diri.
  B memelihara pergaulan.
  C mengawal tingkah laku.
  D mengelakkan pergaduhan.

## Sistem Bahasa: Bahagian B

**Kertas Pemahaman (Bahagian B)**

**(A)** ***Pilih perkataan yang paling sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.***

名词

| | | |
|---|---|---|
| cadangan 提议 | terbakar 烧起 | berhemat 小心 |
| laporkan 报告 | kawalan 控制 | penunggang 骑士 |

容易 吩咐

1 "Jangan bermain dengan benda yang mudah ____________," pesan ibu kepada adik.

赞同

2 Encik Yee bersetuju dengan ____________ untuk membina pagar di sekeliling taman permainan itu.

周围



CamScanner
LIVEWORKSHEETS

3 "______________ kes jenayah itu kepada pihak polis dengan segera," kata Encik Saleh kepada jirannya.

4 Sikap sentiasa ______________ dapat mengelakkan kemalangan.

5 Pihak polis menahan ______________ motosikal itu kerana dia melakukan kesalahan jalan raya.

[5 *markah*]

**B** ***Tandakan (✓) di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.***

1 Keadaan di dalam gerabak kereta api itu ______ sesak dengan penumpang.

| | | |
|---|---|---|
| agak ☐ | benar ☐ | sekali ☐ |

2 Anggota bomba menyemburkan air ke arah kawasan belukar yang ______ terbakar.

| | | |
|---|---|---|
| akan ☐ | sedang ☐ | telah ☐ |

3 Haiwan berbisa yang ______ ditakutinya ialah ular tedung.

| | | |
|---|---|---|
| paling ☐ | nian ☐ | betul ☐ |

4 Kemalangan ______ berlaku sekiranya kita tidak berwaspada.

| | | |
|---|---|---|
| harus ☐ | mungkin ☐ | patut ☐ |

5 Penggunaan alat penggera dan kamera litar tertutup ______ menghalang kejadian pecah rumah.

| | | |
|---|---|---|
| dapat ☐ | perlu ☐ | mesti ☐ |

[5 *markah*]



CS CamScanner
LIVEWORKSHEETS

Hari: ______ Tarikh: ______

## Pemahaman: Bahagian B



***Teliti maklumat di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.***

Tahukah kamu cara membuat panggilan kecemasan 999 apabila ternampak kemalangan jalan raya? Yang berikut ialah panduan untuk membuat panggilan tersebut.

1 Sebelum membuat panggilan kecemasan 999, kita mestilah bertenang terlebih dahulu.
2 Jauhi diri kita dari tempat kemalangan supaya lalu lintas tidak terhalang.
3 Dail nombor talian kecemasan 999. Berikan maklumat yang tepat seperti butiran peribadi dan lokasi kemalangan.
4 Jangan berikan maklumat yang salah atau palsu kepada pihak penyelamat.

1 Maklumat di atas memberikan panduan tentang cara ______________________

______________________________________.

[2 *markah*]

2 Nyatakan **dua** maklumat penting yang perlu kita berikan semasa membuat laporan kecemasan.

(i) ______________________________

(ii) ______________________________

[2 *markah*]

3 Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu mengetahui cara membuat panggilan kecemasan 999? KBAT

Jawapan kamu hendaklah dalam ayat yang lengkap.

______________________________

______________________________

______________________________

[3 *markah*]



LIVEWORKSHEETS CamScanner